

☒ Harlan Motre
☐ Metro Ahd
Tarikh: 29/15/2012
Hari: SELASA 18/14
Ruangan: 8E15m pnt

3.2 juta peluang kerja

Sektor pemborongan, peruncitan bakal jadi lapangan penting menjelang tahun 2020

>>> Oleh Mohd Helmi Iwadi
Mohd Nor
mohd.helmi@metro.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan mengunjurkan hampir 3.2 juta peluang pekerjaan bakal ditawarkan kepada graduan di seluruh negara menjelang 2020 dan daripada jumlah itu 595,000 adalah daripada sektor pemborongan dan peruncitan yang dihasilkan melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, biarpun kebanyakan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini tidak menawarkan secara langsung kedua-dua jurusan berkenaan, namun bidang itu berpotensi besar untuk maju dan berkembang pesat sebagai sektor tumpuan baru yang harus diterokai.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Pelancaran Pusat Kecemerlangan Industri Pemborongan dan Peruncitan (ICoE) di Kolej SEGI, Kota Damansara, di sini, semalam anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Pertubuhan Kitaran Peruncit

Malaysia (MRCA), Mydin Mohamed Holdings Berhad, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Mohamed Khaled berkata, laporan SME 2009/2010 menunjukkan 99 peratus perniagaan kepada pembayangan negara dihasilkan daripada perusahaan kecil dan sederhana manakala satu peratus adalah syarikat konglomerat.

"Melihat perkembangan itu, KPT mengambil inisiatif mengunjurkan ICoE kali kedua dengan memberi tumpuan kepada sektor pemborongan dan peruncitan yang mana ia mampu memberi kebaikan kepada graduan terutama dalam membangunkan modal insan," katanya.

Menurutnya, ICoE yang dipacu Industri Tonggak diterajui dua universiti teras iaitu UiTM dan UUM yang bakal merencanakan pembayangan sektor pemborongan dan peruncitan di kalangan graduan.

"MRCA yang dianggotai 10,000 peruncit dan 206 syarikat turut membuka tawaran praktikal kepada 8,000 pelajar pada tahun ini di 10,000 cawangan miliknya

dan pada tahun depan ia dijangka membuat pengambil-bilan seterusnya sebanyak 8,800 pelajar," katanya.

Kata Mohamed Khaled, bagi Mydin, pihak itu membuka tawaran praktikal kepada 1,178 pelajar pada tahun ini, 1,428 pelajar pada tahun depan dan 3,175 pada 2014.

"Selain itu, program ICeO turut membuka peluang kepada pelajar untuk menjalankan kerja sambil di kedua-dua syarikat berkenaan terutama pada cuti semester. Pelajar yang berminat bolehlah berhubung terus bersama MRCA dan Mydin memohon kerja dan membantu mereka menembusi pasaran di India dan Indonesia," katanya.

Hadir sama pada majlis itu adalah Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Rujhan Mustafa; Presiden MRCA, Datuk Nelson Kwok; Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin; Naib Canselor UiTM, Datuk Sahol Hamid Abu Bakar; Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Isahak dan Naib Canselor Kolej Universiti SEGI, Prof. Emeritus Dr. Muhamad Awang.



KERJASAMA... (dari kiri) Dr Muhamad Awang, Nelson, Rujhan, Mohamed Khaled, Ameer, Dr Mohamed Mustafa dan Sahol Hamid.

FOTO 1 KUALA BAHU